

STPM Kertas 1 Set KVK 3:

Soalan 1

- (a) Jelaskan dua andaian atau prinsip perakaunan yang bersesuaian bagi menyokong keputusan yang dibuat oleh pemilik perniagaan berkenaan dalam setiap situasi di bawah:
1. Akauntan Perniagaan Hari telah mencadangkan untuk menggunakan nilai saksama bagi menilai sebahagian daripada aset tetap perniagaan. Tetapi, En. Haridas, pemilik perniagaan ini, memilih untuk terus merekod aset tetap pada nilai kos sejarah.
 2. Encik Hamid, pemilik Perniagaan Hero Jati, telah mengarahkan kerani akaun untuk menyediakan penyata pendapatan bagi setiap tahun berakhir pada 30 Jun dan mengambil kira belanja susut nilai bagi setiap aset tetap perniagaan.
 3. Pemilik Perniagaan Fancy Floral, Cik Fanny, telah melakukan kerja-kerja hiasan bunga semasa beliau bercuti selama seminggu. Wang tunai yang diterimanya telah disalurkan ke dalam perniagaan. Cik Fanny telah merekod hasil ini sebagai modal tambahan dan bukan sebagai hasil perniagaan.
- (6 markah)
- (b) Pelarasan hari imbangan perlu dilakukan pada akhir setiap tahun kewangan sebelum penyediaan penyata kewangan tahunan. Perihalkan keperluan membuat pelarasan hari imbangan.
- (2 markah)
- (c) Urus-urus niaga dan peristiwa berikut telah berlaku dalam sesebuah perniagaan:
1. Rahim memulakan perniagaan dengan wang tunai RM50,000 di bank.
 2. Membayar sewa secara terdahulu sebanyak RM2,000 dengan cek.
 3. Membeli sebuah komputer pada harga RM3,000 dan membayar secara cek.
 4. Membeli perabot dari Sim Furniture Sdn Bhd secara kredit berjumlah RM3,000.
 5. Memindahkan RM10,000 dari bank untuk kegunaan pejabat.
 6. Memperoleh pinjaman bank sebanyak RM20,000. Wang pinjaman telah dibankkan di akaun perniagaan.
 7. Membeli barang niaga dari Salim Trading sebanyak RM5,000 secara kredit.
 8. Menjual barang niaga secara tunai RM3,000 (kos barang niaga RM2,000).
 9. Membeli barang niaga dari Tak Wing Enterprise berjumlah RM10,000 secara cek.
 10. Memasang dua unit alat hawa dingin di premis perniagaan untuk RM8,000. Membayar tunai RM3,000 dan bakinya dibayar secara ansuran bulanan..
 11. Barang niaga berkos RM300 telah musnah kerana kebakaran. (Harga jualan RM400).
 12. Membayar separuh daripada amaun hutang Sim Furniture Sdn Bhd secara tunai.
 13. Jualan barang niaga secara kredit kepada Rani Grocer sebanyak RM2,000 (Harga kos RM1,400)
 14. Membayar ansuran bulanan bagi alat hawa dingin sebanyak RM1,100, termasuk faedah RM100, dengan cek.
 15. Ambilan barang niaga oleh pemilik untuk kegunaan sendiri. (Kos RM760; Harga jualan RM1,000).
 16. Menerima cek RM1,950 dari Rani Grocer sebagai penjelasan penuh hutangnya.
 17. Membayar Salim Trading RM2,000 dengan cek.
 18. Bayar gaji RM500 dan gaji belum bayar berjumlah RM100.

19. Memperuntukkan susut nilai atas perabot RM300, alatan pejabat RM100 dan lengkapan RM100.
20. Faedah terakru RM200.
21. Komisen diterima terdahulu RM1,000.

Dikehendaki:

Sediakan satu jadual seperti di bawah dan tunjukkan kesan (+RM / -RM) setiap urus niaga atau peristiwa atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik. Jawapan (1) diberikan sebagai contoh.

Urus niaga / Peristiwa	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti pemilik (RM)
1	+50,000		+50,000
2			

(12 markah)